

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PROGRAM JELAJAH PEMBANGUNAN FRANCAIS DOMESTIK DI MALAYSIA

SEPANG, 7 Julai 2020 – YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Menteri KPDNHEP hari ini meninjau operasi 13 outlet francais di KIP Mall Kota Warisan yang menjadi sasaran pelanggan golongan kebanyakan. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada program jelajah pembangunan francais domestik di Malaysia yang diselia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kolaborasi Persatuan Francais Malaysia (MFA).

Antara tujuan lain lawatan ini di buat adalah sebagai salah satu langkah *health check* yang seterusnya menjadi input untuk KPDNHEP membantu industri francais. Selain daripada membangunkan perniagaan sedia ada di sekitar bandar utama, syarikat-syarikat francais di Malaysia juga diseru merealisasikan inisiatif Kerajaan untuk membangunkan perniagaan konsep mikro bagi melahirkan lebih ramai usahawan francais.

Dalam sesi lawatan ini, YB Menteri KPDNHEP turut berpeluang melancarkan program *personal shopper* dan kad keahlian KIPMall untuk pengunjung-pengunjung tetap mereka.

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan niaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

